malaysiakini
terkini untuk anda

# Gangguan bekalan gula di Pantai Timur sudah pulih - Menteri

Diterbitkan: May 2, 2023 11:12 AM · Dikemaskini: 11:12 AM




Gangguan bekalan gula di Pantai Timur telah pulih dan dikenal pasti berpunca daripada penutupan sementara kilang gula MSM Malaysia Holdings Bhd di Johor dan Perai, Pulau Pinang, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Dalam sidang media mengenai isu bekalan gula di Pantai Timur di Sepang hari ini, beliau berkata kilang terbabit ditutup sementara sempena sambutan Aidilfitri dan telah beroperasi semula pada 25 April lepas.

Beliau berkata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bekerjasama rapat dengan dua kilang pengeluar gula tempatan iaitu MSM Malaysia dan Central Sugars Refinery Sdn Bhd (CSR) bagi memastikan isu gangguan bekalan gula itu diatasi segera.

"Isu kekurangan gula di Pantai Timur telah dapat diatasi, saya harap penduduk tidak panik dan tidak terpedaya dengan isu yang dimainkan bahawa terdapat kemungkinan harga gula akan naik," katanya sambil menambah bekalan baharu akan diagihkan kepada pemborong dan peruncit mulai esok dengan pemantauan KPDN Kelantan.

Media baru-baru ini melaporkan kegusaran dalam kalangan rakyat Kelantan susulan kesukaran mendapatkan bekalan gula paket satu kilogram (kg) yang didakwa tiada di pasaran sejak 22 April lepas.

Semalam, Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail dilaporkan berkata pihaknya telah mengagihkan 250,000kg gula kepada sejumlah besar pasar raya termasuk pengagihan secara berperingkat kepada pemborong dan peruncit bagi memastikan isu kekurangan bekalan itu dapat diselesaikan dalam tempoh dua hari.

Dalam perkembangan lain, Salahuddin berkata harga runcit maksimum minyak masak sawit tulen kemasan botol kekal bagi tempoh 8 Mei hingga 7 Jun ini.

Harga minyak masak botol bagi satu kg kekal pada harga RM6.90, 2kg (RM13.30), 3kg (RM19.60) dan 5kg pada harga RM30.90, yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum Bagi Minyak Masak) (No.7) 2023.

"Secara umumnya terdapat kenaikan harga sawit mentah untuk bulan April berbanding bulan sebelumnya yang telah melepasi RM4,000 per tan metrik. Kenaikan ini menyebabkan berlakunya kenaikan harga runcit minyak masak tulen.

"Bagaimanapun, bagi mengelak bebanan kepada rakyat dan pengguna kerajaan bersetuju untuk mengekalkan harga minyak masak tulen kemasan botol bagi tempoh berkenaan," katanya.

*- Bernama*

***

| | |
|---|---|
| HEADLINE | Gangguan bekalan gula di Pantai Timur sudah pulih - Menteri |
| MEDIA | Malaysia Kini - Online |
| DATE | 02 May 2023 , 11:12am |
| BY | - |
| LINK | https://www.malaysiakini.com/news/663769 |